

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN
PERUNDANGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESIHATAN
AWAM BAGI BULAN JANUARI 2013**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan untuk kesejahteraan penduduk Malaysia, dan ini termasuklah mengambil tindakan penguatkuasaan dan perundangan di bawah undang-undang kesihatan demi kepentingan kesihatan awam.

Bagi bulan Januari 2013, berikut dimaklumkan hasil dan tindakan penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam.

1. Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit Demam Denggi, sejumlah 1,168 tawaran kompaun bernilai RM 584,000.00 telah dikeluarkan dengan nilai purata RM 500.00 tiap kompaun. Sejumlah 186 kes telah didaftar untuk tindakan mahkamah dan dalam masa yang sama sebanyak 57 kes telah disabitkan kesalahan di mahkamah dengan jumlah denda RM 25,540.00.
2. Melalui tindakan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, daripada 5,989 lawatan pemeriksaan yang dijalankan sejumlah 2,777 notis kesalahan dikeluarkan. Sebanyak 1,094 kompaun telah ditawarkan dengan nilai tawaran berjumlah RM 259,830.00.

Adalah dimaklumkan, tindakan penguatkuasaan merupakan pilihan terakhir yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Orang ramai serta semua pihak adalah diminta untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar keberkesanan pelaksanaan aktiviti kesihatan mencapai tahap optimum.

Sekian dan terima kasih.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

22 Februari 2013